

Mahathir sedia disoal siasat

KUALA LUMPUR 2 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau sedia disiasat dan didakwa sekiranya tuduhan media British kononnya beliau menerima sogokan bernilai AS\$50,000 (RM130,000) daripada sebuah syarikat perindustrian Britain, didapati benar.

Sebaliknya, tegas Perdana Menteri, sekiranya beliau didapati tidak bersalah, pihak yang menuduh beliau, George Wimpey International (GWI) mesti didakwa dan dihukum.

Bercakap kepada para pemberita selepas menghadiri Majlis Makan Malam anjuran Badan Kebajikan Amal Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri di sini malam ini, beliau berkata: "Secara prinsipnya, orang itu (daripada GWI) telah mengaku dia memberi

rasuah kepada saya dan dia sudah boleh dihukum.

"Dia patut disiasat dan dihukum... saya juga boleh didakwa kalau saya didapati bersalah."

Akhbar *Sunday Times* pada 20 Februari lalu menyiarkan dokumen-dokumen yang mendakwa Dr. Mahathir menerima sogokan bernilai AS\$50,000.

Menurut dokumen itu, sogokan tersebut diberikan sebagai syarat untuk mendapatkan kontrak membina sebuah kilang aluminium di negara ini.

Dr. Mahathir menjelaskan, beliau tidak pernah berhasrat mendesak Perdana Menteri Britain, John Major meminta maaf kepadanya kerana tuduhan tersebut, tetapi secara terus terang mahu media di Britain mengubah sikap dan membuat laporan dengan betul.

"Mereka (media) kata saya terima rasuah kerana mahukan projek membuat kilang aluminium di negara ini, tetapi mereka (media) tidak memeriksa terlebih dahulu sama ada sebuah kilang aluminium telah dibina di negara ini," tegasnya.

Malah, beliau mempersoalkan kredibiliti media di Britain kerana tidak tahu membezakan antara pinjaman dengan geran bantuan.

"Wang berjumlah 234 juta pound (RM940 juta) yang ditawarkan kepada Malaysia oleh Kerajaan Britain selama ini ialah pinjaman, bukannya geran bantuan sepertimana yang dilaporkan oleh media British dan kita terpaksa membayar sehingga selesai," jelasnya.

Dr. Mahathir juga meminta supaya media British memperbetulkan la-

poran mereka sekiranya mahu melihat hubungan kedua-dua buah negara kembali pulih.

Beliau turut menafikan dakwaan beberapa pihak di Britain bahawa negara ini tidak boleh maju tanpa adanya bantuan daripada negara tersebut.

Dalam hubungan ini, beliau mencabar Britain untuk melihat sendiri, sama ada Malaysia yang bergantung kepada Britain atau negara itu yang bergantung kepada negara ini.

"Kita akan lihat... siapa yang lebih memerlukan siapa," tegasnya.

Kata Mahathir, Malaysia telah bertungkus lumus selama kira-kira 37 tahun untuk membina negara ini sehingga menjadi seperti sekarang, tanpa bantuan daripada Britain.

Ditanya kenyataan John Major hari ini bahawa tindakan Malaysia menghentikan kontrak baru kerajaan dengan syarikat-syarikat dari Britain sebagai berpandangan singkat dan tidak adil, beliau berkata:

"Saya akan kaji dahulu sama ada kenyataan tersebut benar-benar datang dari mulut Major atau ia telah diputarbelitkan oleh media Barat."

Tambah Perdana Menteri, seandainya kenyataan Major itu benar, maka ia hanya merupakan satu pandangan sahaja dan tidak ada sebab untuk merasa risau mengenainya.

Kepada satu soalan wartawan dari Britain, beliau berkata, Britain sepatutnya membiarkan Malaysia "menikmati kesilapan" yang telah dilakukannya dengan membuat sekatan ekonomi itu.

"Kalau pihak Britain

merasakan tindakan kita silap, maka biarkan kita 'merasai kesilapan' itu," ujarnya.

Beliau turut mengulangi bahawa tindakan kolektif Kerajaan Malaysia itu bukan ditujukan kepada Kerajaan Britain atau kepada rakyat negara itu, tetapi ditujukan kepada media British yang membuat laporan-laporan palsu.

"Pihak Britain menyebarkan di seluruh dunia bahawa saya menerima rasuah dan tindakan tersebut telah menjejaskan imej saya... dan lebih malang lagi, saya tidak berpeluang menjelaskan kepada semua orang bahawa saya tidak bersalah," tegasnya.

Untuk memperbetulkan keadaan sekarang,

beliau meminta media British memberitahu seluruh dunia bahawa tidak ada kilang aluminium yang didirikan di negara ini dan beritahu bahawa duit tersebut sebenarnya telah diberikan kepada "penipu" lain, dan bukan kepada saya," ujarnya.

Beliau turut kesal apabila bapanya dan kegagalan beliau memasuki sekolah undang-undang di Britain turut dilibatkan dalam isu tersebut.

"Bapa saya seorang yang berjaya, orang Melayu pertama menjadi pengetua di sekolah Inggeris dan menjadi pegawai kanan... dia berjaya... jadi mengapa kaitkan bapa saya dengan isu ini?" tanya beliau.

Beliau juga hairan kenapa dikatakan sebagai keras kepala oleh media Barat apabila timbul isu tersebut.

Dr. Mahathir turut mempersoalkan kebebasan media di Britain, terutamanya apabila media tersebut dikuasai oleh Rupert Murdoch.

"Apabila Murdoch menguasai *Times*, beliau telah membuang editor *Times* untuk menjaga kepentingannya," ujar beliau.